

PPKKI-YSHHB bersama Ar-Rafi Archery Brunei galakkan pelancongan Islam



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 September. - Bagi menyokong penggalakan pelancongan Islam (Islamic Tourism) dan pelancongan dalam negara, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) bersama Ar-Rafi Archery Brunei, buat pertama kalinya bekerjasama

mengadakan Aktiviti Kelas Seni Khat dan Memanah.

Aktiviti yang diadakan di PPKKI-YSHHB Rumah Semaun, Jalan Jerambak, Bandar Seri Begawan itu dibahagikan kepada dua sesi, iaitu pada 13 September dan 20 September 2020.

Aktiviti tersebut mendapat sambutan baik dengan penyertaan

para peserta diberikan peluang untuk mencuba menulis khat menggunakan kanvas yang diwarnakan mengikut kreativiti masing-masing (kiri dan bawah kanan).

seramai 15 peserta pada sesi pertama dan seramai 22 penyertaan pada sesi berikutnya.

Semasa aktiviti berkenaan, para peserta diberikan penerangan mengenai penulisan khat, seterusnya diberikan peluang untuk mencuba menulis khat menggunakan kanvas yang diwarnakan mengikut kreativiti masing-masing.

Peserta juga berpeluang melawat ke Galeri PPKKI-YSHHB untuk melihat pelbagai lukisan dan tulisan, hasil karya tempatan dan luar negara.

Para peserta turut berpeluang mempelajari asas memanah, yang diungkayahkan oleh Ar-Rafi Archery Brunei.

PPKKI-YSHHB berharap aktiviti seumpama ini akan dapat memberikan pendedahan dan menarik minat orang ramai mengenai seni khat Islam melalui

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Lawatan ke Galeri PPKKI-YSHHB dan apa jua aktiviti, yang dikendalikan dari semasa ke semasa.

Bagi yang berminat untuk membuat Lawatan ke Galeri

PPKKI-YSHHB, galeri berkenaan dibukakan untuk kunjungan orang ramai dan sebarang maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi PPKKI-YSHHB menerusi talian +673 2234014.



Lebih 80 sertai pembarigaan Budaya Pengguna Bijak



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam menerima kunjungan dari Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi sesi pembarigaan bertajuk 'Menanam Budaya Pengguna Bijak di Negara Brunei Darussalam' pada sesi bergambar ramai.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) menerima kunjungan dari Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna (DCCA), Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi sesi pembarigaan bertajuk 'Menanam Budaya Pengguna Bijak di Negara Brunei Darussalam'.

Adapun objektif utama DCCA mengadakan sesi tersebut ialah bagi meningkatkan kesedaran pengguna, khasnya dalam kalangan pelajar mengenai hak-hak pengguna, termasuk

penggunaan aplikasi mudah alih PenggunaBijak yang dapat membantu mereka untuk membuat keputusan berbelanja dengan lebih bijak dan berhemah.

Budaya PenggunaBijak memperkasa pengguna untuk melaksanakan tanggungjawab dan mengamalkan hak-hak mereka selaku pengguna ketika berbelanja bagi mempromosi penggunaan yang mampan (*sustainable consumption*) ke arah membina iklim perniagaan yang sihat dalam menyumbang kepada membantu mencapai matlamat ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, seperti yang dihasratkan di dalam Wawasan Brunei 2035.

Sesi selama satu jam setengah

itu dimulakan dengan pengenalan tentang tugas dan peranan DCCA dan diikuti dengan penerangan mengenai hak-hak pengguna, kesedaran mengenai Perintah Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) 2011, penggunaan praktikal aplikasi mudah alih PenggunaBijak melalui salah satu fungsi utamanya, iaitu Perbandingan Harga, dan diakhiri dengan sesi soal jawab.

Penyampai pada sesi tersebut ialah Pegawai Ekonomi Kanan, Awang Izzul Azam bin DSP Haji Mohammad Roselan, dan Pegawai Ekonomi, DCCA, JPES, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Hazman bin Haji Alim.

Turut hadir pada sesi berkenaan ialah Dekan FEKIm UNISSA, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani,

Diplomasi Kulinari Kedutaan AS anjurkan masterclass

Dari muka 13

Dengan menggunakan sumber ramuan tempatan, Chef Aziz menyediakan hidangan Amerika yang popular, seperti Tex-Mex Taco Bowls dan New Orleans style gumbo.

Masterclass yang diadakan secara interaktif itu, mendorong para pelajar untuk menjadi kreatif dan berfikir di luar kaedah memasak tradisional, melibatkan penyediaan masakan Amerika secara langsung.

Para pelajar turut berinteraksi bersama Chef Aziz mengenai pengalaman pendidikannya, di Culinary Institute of America, New York dan membuat rujukan bersama penasihat Kedutaan EducationUSA tentang meneruskan pembelajaran di AS.

Oleh kerana para pelajar Sekolah Perhotelan dan Pelancongan sering terlibat dengan acara dalaman dan acara katering di luar, adalah penting bagi mereka untuk memahami masakan dari pelbagai negara untuk melengkapkan tema acara.

Minggu Masakan Amerika adalah sebahagian daripada inisiatif tersebut untuk memberikan pelajar latihan *on-the-job*.

Acara di IBTE itu, diadakan buat kali kedua, daripada siri Diplomasi Kulinari Kedutaan AS, bertujuan untuk mempromosikan budaya Amerika melalui makanan bagi membina pemahaman silang budaya, meningkatkan interaksi juga kerjasama dengan lebih jauh di antara NBD dan AS.

Program tersebut juga membantu meluaskan pemahaman pelajar mengenai hubungan berkenaan di antara makanan dan budaya.

Restoran Latihan Longhouse adalah sebuah platform bagi para pelajar IBTE untuk mempraktikkan pembelajaran dari dapur ke perkhidmatan.

Restoran tersebut dibukakan kepada orang ramai dan mereka yang berminat untuk mencuba masakan-masakan tersebut, bolehlah terus melayari laman sosial Instagram @ibteignite atau menghubungi terus menerusi talian +673 2331079 atau +673 8658232 untuk membuat tempahan.

para pensyarah FEKIm UNISSA, dan para mahasiswa dan mahasiswa Tahun 1 hingga Tahun

4 dari Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dan juga tahun akhir Program Sarjana Muda Sains Kewangan Islam

FEKIm UNISSA yang sedang menjalani kursus Entrepreneurship Project.

Seramai lebih 80 orang hadir di sesi taklimat tersebut, yang terdiri daripada para pelajar dan pensyarah UNISSA.